

06 FEB 1997

Mahathir - Media

DR MAHATHIR MINTA MEDIA TEMPATAN JANGAN KETERLALUAN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta media tempatan supaya berpegang kepada kebenaran serta mengelak daripada bersikap memihak dan keterlaluan.

Perdana Menteri berkata bahawa menjauhi sikap memihak dan keterlaluan amat penting bagi memastikan tiada sesiapa atau mana-mana pihak yang teraniaya akibat laporan media yang negatif.

"Saya berasa sedihlah (jika media berpendirian sedemikian) kerana media memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran rakyat. Jadi kalau media tumpu kepada sesuatu (yang negatif) maka rakyat juga akan berfikirannya demikian," katanya kepada pemberita selepas merakamkan perutusan Hari Raya Aidil Fitri di Angkasapuri di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed.

Perdana Menteri diminta mengulas kecenderungan media tempatan sejak kebelakangan ini membuat beberapa pendedahan dan bertindak seperti mahkamah untuk menjatuhkan hukuman terhadap seseorang atau pihak-pihak tertentu yang pada pendapat mereka telah menjadi punca kepada masalah yang mereka dedahkan itu.

Dr Mahathir berkata media tempatan yang berbuat sedemikian mungkin mempunyai agenda tersendiri yang beliau sendiri tidak tahu apa sebabnya.

"Barangkali media mempunyai agenda yang tersendiri. Mungkin media mempunyai kesetiaan kepada orang pilihan mereka. Mungkin juga mereka nak naikan seseorang itu dan menjatuhkan orang lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, hasil laporan yang keterlaluan mengenai seseorang atau pihak-pihak tertentu menyebabkan sukar bagi individu atau pihak-pihak itu memulihkan imej mereka setelah proses undang-undang membuktikan mereka tidak bersalah.

"Seperti kata Dr Goebel, Menteri Propaganda Nazi Jerman, kalau sesuatu itu diulang dan diulang berkali-kali, akibatnya ia (perkara yang diulang-ulang) akan diterima (sebagai kebenaran).

"Jadi bila kita menuduh seseorang itu salah dan kita tulis itu dan ini, akhirnya orang anggap dia itu salah dan kalau kita nak pulihkan dia bila di dapati dianya tidak salah sudah menjadi satu perkara yang amat sukar," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri menerima aduan terdapat orang yang sentiasa mendapat publisiti baik daripada media tempatan, ada yang langsung tidak mendapat publisiti dan ada pula yang sentiasa mendapat publisiti buruk sedangkan mereka berusaha membuat sesuatu yang pada pendapat mereka baik untuk negara.

"Saya fikir media sepatutnya pegang kepada kebenaran. Kita tidak perlu memihak kepada sesiapa pun. Yang baik patut kita kata baik, yang tak baik kita kata tak baik. Jangan kita keterlaluan," katanya.

Dr Mahathir mengakui peranan media amat penting untuk membuat pendedahan mengenai perkara-perkara yang benar tetapi pendedahan itu hendaklah memuatkan cerita-cerita yang benar bukan sekadar membuat tuduhan semata-mata.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, katanya, Malaysia juga amat memerlukan media yang bertanggungjawab bagi membentuk pemikiran positif di kalangan rakyat.

"Media boleh menolong dengan membentuk fikiran rakyat supaya mereka lebih mudah untuk menerima dan berusaha untuk membangunkan negara kita,"

katanya.

Perdana Menteri turut diminta mengulas tindakan bekas calon bebas kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan pada pilihanraya umum 1995, S. Selvanathan, mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi di sini semalam menuntut satu perintah supaya kerajaan menghentikan rancangan merobohkan Stadium Merdeka dan Stadium Negara yang dianggap bersejarah.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu merupakan perbuatan seorang manusia yang memang selalu mengemukakan kes ke mahkamah untuk cuba menghalang apa sahaja perkara yang dia tidak suka.

"Tak ada satu benda yang kerajaan buat atau siapa juga buat yang dipersetujui 100 peratus oleh semua orang," katanya.

Katanya kerajaan sedar stadium-stadium itu telah menyaksikan pelbagai peristiwa bersejarah tetapi hakikatnya kewujudan sesebuah stadium di tengah-tengah bandar raya seperti Kuala Lumpur sudah tidak praktikal lagi kerana ia sering mengakibatkan kesesakan lalulintas.

"Jadi apakah kerana kita tak suka ia dipindah, kita jangan buat sesuatu bangunan," katanya.

Mengenai cadangan kerajaan mengkaji kemungkinan melaksanakan kerahan tenaga berbentuk kemasyarakatan bagi remaja lepasan sekolah dalam usaha menangani gejala sosial di kalangan belia, Dr Mahathir berkata kerahan tenaga itu mungkin dihadkan kepada remaja yang dikenal pasti tegar kepada masalah sosial saja.

"Kita tidak boleh mengadakan kerahan tenaga di seluruh negara. Sekarang inipun kita ada kerahan tenaga (terhad) untuk doktor-doktor di mana mereka yang lulus kena berkhidmat dengan tentera untuk dua tiga tahun sebelum mereka boleh bekerja (di tempat lain)," katanya.

Ketika ditanya sama ada cadangan kerahan tenaga itu perlu dilaksanakan kerana program Rakan Muda gagal membantu mengatasi masalah sosial, Perdana Menteri berkata, ia tidak ada kena mengena dengan prestasi program Rakan Muda.

Katanya cadangan kerahan tenaga itu lebih merupakan program tambahan kerajaan untuk mengambil tindakan yang lebih berkesan dalam usaha menangani masalah sosial di kalangan belia, terutama kumpulan tegar.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerahan tenaga itu masih di peringkat cadangan dan pelaksanaannya bergantung kepada hasil kajian yang akan dijalankan. -- BERNAMA

AH MAI